

**Cabaran Pendidikan Masyarakat Melayu:
Satu Tinjauan Sejarah dan Masa Kini**

Halipah binti Hamzah & Nik Muniyati binti Nik Din

Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam, UiTM Cawangan Pulau Pinang,

Jalan Permatang Pauh,

13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang

shalipah@ppinang.uitm.edu.my, nikhuniyati@ppinang.uitm.edu.my

Abstrak - Pendidikan memainkan peranan bagi membangun dan mentamadunkan individu, masyarakat, dan negara. Masyarakat Melayu diperkenalkan dengan sistem pendidikan semenjak kedatangan Islam ke Tanah Melayu. Pada era tersebut, sistem pendidikan masyarakat Melayu berteraskan kepada pendidikan Islam. Namun, selepas kedatangan penjajah Inggeris, sistem pendidikan Melayu mengalami perubahan. Masyarakat Melayu berhadapan dengan cabaran apabila pihak penjajah melaksanakan sistem pendidikan berasaskan pendidikan Inggeris. Hal ini kerana sekolah-sekolah aliran Inggeris mengajar mata pelajaran dalam bahasa Inggeris sedangkan majoriti bangsa Melayu tidak berbahasa Inggeris. Meskipun negara kita Malaysia telah mencapai kemerdekaan, dasar-dasar yang diperkenalkan oleh pihak penjajah ini masih terkesan dalam jiwa masyarakat Melayu. Malahan pihak Barat sentiasa berusaha memperkenalkan dan menyebarkan ideologi-ideologi dan budaya-budaya mereka kepada masyarakat Melayu khususnya golongan remaja. Perkara ini merupakan cabaran yang lebih sengit berbanding cabaran yang dihadapi oleh generasi terdahulu pada zaman penjajahan.

Kata kunci: pendidikan, cabaran, masyarakat Melayu, penjajah Barat, ideologi, budaya

1. Pengenalan

Pendidikan secara umum bermaksud segala pengaruh fizikal, biologi, akhlak, dan sosial yang membentuk aliran individu dan negara. Secara khusus pendidikan merupakan pengaruh-pengaruh tertentu yang disusun atur dan dicipta oleh ahli-ahli pendidik, sekolah-sekolah, kolej-kolej, dan lain-lain pusat pendidikan. Terdapat pandangan yang menyatakan bahawa pendidikan adalah proses pembentukan kecenderungan-kecenderungan asasi yang berupa pemikiran dan perasaan terhadap alam dan manusia. Pendidikan juga merupakan alat utama untuk mewarnakan sesuatu bangsa menurut corak yang dikehendaki oleh pihak yang merancang pendidikan tersebut, sama ada dalam membentuk peribadi, cara berfikir, atau tindakan seluruhnya. H.A.R Gibb (1895-1971) dalam buku *Wither Islam* antaranya mencatatkan bahawa cara yang tepat untuk mengukur berjaya atau tidak modernisasi dan westernisasi di dunia Islam dapat dilihat dari aspek pendidikan Barat dan falsafahnya yang dilaksanakan dengan sewajarnya di negara tersebut. Dengan cara itu, segala yang dirancangan di Barat dapat dilaksanakan di Timur oleh orang-orang Timur sendiri dengan cara yang lebih berkesan (Sobri Salamon & Haron Din, 1988).

Sistem pendidikan masyarakat Melayu di Nusantara pada zaman tradisi terbahagi kepada dua peringkat iaitu zaman sebelum kedatangan Islam dan zaman selepas kedatangan Islam. Sebelum kedatangan Islam, sistem masyarakat dan budaya Melayu dipengaruhi oleh fahaman animisme dan agama Hindu-Buddha. Namun, dari aspek pendidikan tidak terdapat bukti yang jelas mengenai kewujudan suatu sistem pendidikan yang sistematik. Meskipun terdapat istana raja dan Kraton yang berperanan sebagai pusat pengajian bagi anak-anak golongan atasan mendapat pendidikan, secara umumnya proses pembelajaran berlaku secara tidak formal pada peringkat keluarga yang diwarisi secara turun temurun daripada satu generasi kepada generasi yang lain. Pendidikan tidak formal ini berlaku pada peringkat keluarga golongan bawahan yang mendidik anak-anak mereka mengenai nilai-nilai budaya masyarakat Melayu tradisi, adat-istiadat, pantang-larang, seni mempertahankan diri, kemahiran dalam pertukangan, dan pelbagai bidang pekerjaan yang menjadi sumber rezeki dalam kehidupan. Pada zaman Hindu-Buddha ini, ilmu dimonopoli oleh Kraton kerana golongan bangsawan khususnya raja-raja dianggap sebagai jelmaan dewa-dewa (Ismail Hamid, 1985).

Pertapakan Islam di Kepulauan Melayu mengubah corak kebudayaan Melayu daripada corak Hindu kepada Islam. Pengajaran dan semangat Islam meresap menggantikan tempat kebudayaan yang berasaskan kebudayaan Hindu. Apabila kebudayaan Islam dan pengaruhnya meresap ke dalam kehidupan masyarakat Melayu, pendidikan yang berteraskan ajaran Islam diterima sebagai alat proses sosialisasi kanak-kanak di dalam setiap keluarga Melayu (Sobri Salamon & Haron Din, 1988). Istana terus berperanan sebagai pusat pendidikan anak-anak raja dan golongan bangsawan. Di samping istana, masjid turut memainkan peranan penting menyebarkan ilmu kepada orang ramai. Pada peringkat awal pendidikan kanak-kanak dijalankan di rumah-rumah secara tidak formal. Seterusnya dilaksanakan di masjid atau surau. Pendidikan bercorak formal dijalankan di masjid, guru-guru tertentu berkhidmat secara sukarela mengajar murid-murid. Masjid merupakan institusi Islam terawal mengajar ilmu Islam. Masjid dan surau adalah pusat pengajian bagi kanak-kanak pada waktu siang untuk mempelajari al-Quran dan mendalami ilmu fardu ain. Manakala pada waktu malam, masjid menjadi pusat pengajian bagi orang dewasa. Sistem pendidikan di masjid atau di surau berkembang kepada sistem pengajian madrasah atau pondok (Ismail Hamid, 1985).

Kehadiran penjajah Barat khususnya pihak Inggeris telah merubah segalanya. Sistem pendidikan Barat meniupkan roh sekular bagi melahirkan manusia-manusia yang hanya mementingkan keuntungan dan kenikmatan dunia daripada segala-galanya. Justeru, sistem pendidikan sekular yang amat asing ini tidak sesuai disogokkan kepada masyarakat Melayu dari dahulu hingga sekarang. Pendidikan sekular adalah untuk golongan sekular bukannya untuk orang Melayu yang memiliki sifat kemukminan dan keislaman. Rasionalnya, pendidikan agama merupakan sistem pendidikan yang bersesuaian untuk orang Melayu Muslim. Dengan meminjam atau mengimport sistem pendidikan asing secara langsung atau tidak langsung untuk dilaksanakan kepada masyarakat Melayu di negara ini akan mencetuskan permasalahan dan kesan yang tidak baik (Sobri Salamon & Haron Din, 1988).

2. Cabaran Zaman Penjajahan

Meskipun sistem pendidikan yang diwujudkan pada zaman penjajah secara kebetulan memenuhi sedikit keperluan masyarakat hasil interaksi pembuat polisi dengan yang dijajah, hakikatnya sekolah-sekolah direka untuk memenuhi kehendak-kehendak mereka. Pendidikan sebagai agensi kemasyarakatan telah digunakan secara efektif bagi mencapai tujuan dan matlamat penjajah Inggeris tanpa mempedulikan rakyat Tanah Melayu pada zaman tersebut (Ibrahim Saad, 1990). Antara cabaran pendidikan yang terpaksa dihadapi oleh masyarakat Melayu semasa zaman penjajahan adalah berkaitan dengan perkara-perkara berikut:

2.1 Sekolah Sebagai Penyebar Nilai-nilai Asing

Sekolah-sekolah yang dibangunkan oleh penjajah Inggeris terpisah daripada budaya pribumi dari segi bahasa dan nilai-nilai kemasyarakatan. Ia menggunakan kurikulum dan buku-buku yang sama dengan kurikulum dan buku-buku di England. Sukatan pelajaran pula lebih mengutamakan perkara-perkara yang tidak berkaitan dengan Tanah Melayu. Sekolah penjajah Inggeris menjadi institusi asing dan merupakan satu mekanisme melatih golongan yang akan mencapai satu tahap sosial dan kebudayaan baharu. Penjajah Inggeris juga berpandangan bahawa orang-orang Melayu yang dijajah mempunyai keperluan-keperluan tertentu. Bagi mereka, pendidikan untuk orang-orang Melayu jangan terlalu akademik kerana ia tidak bersesuaian dengan alam sekeliling. Justeru, pihak penjajah Inggeris memberi pendidikan yang berorientasikan ilmu tanaman, menanam bunga, berkebun, dan menjahit. Jelas di sini bahawa matlamat pendidikan penjajah Inggeris adalah selaras dengan proses sosialisasi mereka. Mereka melatih segolongan orang Melayu secara terasing daripada masyarakat penjajah dan masyarakat tempatan. Persekolahan penjajah telah memasyarakatkan orang Melayu kepada dua aliran yang berbeza. Aliran pertama, orang Melayu dari sekolah Inggeris yang mempunyai nilai-nilai dan bahasa yang asing daripada masyarakat tempatan tetapi tidak mempunyai nilai-nilai penjajah sepenuhnya. Aliran kedua, orang Melayu dari sekolah Melayu yang terasing daripada masyarakatnya sendiri disebabkan oleh mereka telah dimasyarakatkan dengan nilai-nilai Melayu mengikut tafsiran penjajah Inggeris yang tidak mengambil kira masyarakat Melayu yang sebenarnya (Ibrahim Saad, 1990).

2.2 Sekolah Sebagai Tempat Melatih Pemimpin

Dasar penjajah Inggeris adalah melatih segolongan rakyat pribumi yang dijajah untuk melaksanakan tugas dan kerja mereka. Bagi mencapai matlamat tersebut, mereka memperkenalkan sistem pelajaran elit yang dipelopori oleh Kolej Melayu Kuala Kangsar. Tujuan sekolah ini adalah melahirkan segolongan elit Melayu yang dipengaruhi idea dan budaya Inggeris. Seterusnya nilai-nilai ini akan mengalir daripada golongan elit hingga kepada golongan massa. Sehubungan dengan itu, penjajah Inggeris dapat melaksanakan proses sosialisasi dan menguasai masyarakat pribumi melalui pemimpin-pemimpin tradisional mereka. Golongan massa patuh kepada golongan pemimpin tradisional dan golongan pemimpin tradisional taat kepada penjajah Inggeris. Contoh-contoh daripada Barat sehingga kini masih menguasai pemikiran golongan intelek. Sesuatu yang diimport dianggap bermutu manakala semua yang berbentuk

pribumi tidak berkualiti. Ahli-ahli akademik berkeinginan untuk menerbitkan tulisan mereka dalam jurnal-jurnal luar negara, menghadiri persidangan luar negara, serta masih mengharapkan kelulusan dan pengiktirafan daripada negara-negara Barat bagi ukuran dalam pelbagai perkara (Ibrahim Saad, 1990).

2.3 Sekolah Sebagai Agensi Memenuhi Keperluan Tenaga Manusia

Penjajah Inggeris hanya mengizinkan pribumi yang dijajah menjawat jawatan-jawatan yang rendah. Jawatan-jawatan yang tinggi dan penting disandang oleh penjajah. Perkara ini selaras dengan salah satu daripada tugas sistem pendidikan iaitu menghasilkan tenaga manusia yang dapat meningkatkan pengeluaran negara. Namun, tenaga manusia yang dihasilkan oleh sistem pendidikan penjajah meletakkan mereka pada tahap yang terendah dan menjalankan tugas-tugas yang tidak penting. Peranan sekolah-sekolah Melayu dari aspek tenaga manusia adalah semata-mata melatih kanak-kanak supaya mereka ini kekal berada di tahap yang sama iaitu sebagai penanam padi contohnya. Manakala sekolah Inggeris bertujuan untuk memenuhi tenaga kerja di peringkat rendah birokrasi penjajah seperti kerani supaya kuasa ekonomi dan politik penjajah tidak tergugat (Ibrahim Saad, 1990).

2.4 Dasar Pendidikan Inggeris

Dasar pendidikan Inggeris adalah untuk mengukuhkan kedudukannya di negara yang dijajah. Justeru, pendidikan digunakan sebagai alat kawalan kemasyarakatan. Pihak penjajah Inggeris hanya mengutamakan sekolah rendah sahaja. Bagi mereka, pendidikan yang terlalu tinggi adalah merbahaya serta tidak praktis kerana akan melahirkan satu kelompok manusia yang tidak bermanfaat kepada masyarakatnya dan punca mencetuskan kesusahan kepada Inggeris. Hasil daripada dasar ini, lahirlah Sekolah Melayu yang merupakan sekolah rendah bagi mengajar orang-orang kampung kaedah menyimpan rekod yang mudah dan melindungi diri daripada penipu-penipu yang mencari orang-orang yang bodoh untuk dijadikan mangsa. Inggeris kononnya hendak memberi pendidikan untuk melindungi masyarakat Melayu daripada ditipu oleh kaum pendatang, namun realitinya pendidikan yang diberikan tidak dapat melaksanakan tugas tersebut bahkan tujuan utama mereka adalah untuk kawalan kemasyarakatan. Dalam tahun 1920-an, dasar pelajaran Inggeris semakin jelas. Cita-cita pihak penjajah Inggeris bagi memastikan masyarakat Melayu tidak berubah semakin hebat. Ketua Setiausaha, G.W. Maxwell (1917-1993) mengisytiharkan tujuan pendidikan Kerajaan Inggeris adalah untuk memperbaiki keadaan orang Melayu, dan mereka menjadikan anak-anak nelayan atau petani yang lebih baik daripada bapanya (Ibrahim Saad, 1981).

2.5 Sistem Persekolahan Berdasarkan Kaum

Pihak penjajah Inggeris telah mewujudkan sekolah vernakular Melayu, sekolah vernakular Cina, dan sekolah vernakular Tamil sewaktu penjajahan mereka di Tanah Melayu. Sekolah vernakular Melayu, Cina, dan India masing-masing mempunyai kepentingan tersendiri untuk kaum tertentu. Sekolah Melayu untuk kepentingan orang Melayu, sekolah Cina untuk kepentingan orang Cina, dan sekolah Tamil untuk kepentingan orang India. Walau bagaimanapun, pihak Inggeris bertindak tidak adil dari

segi layanan yang setaraf kepada semua bangsa. Contohnya, sekolah vernakular Melayu dan Tamil hanya terhad untuk peringkat sekolah rendah sahaja, manakala sekolah vernakular Cina mendapat keistimewaan melalui peringkat sekolah rendah selama enam tahun, junior pertengahan selama tiga tahun, dan senior pertengahan selama tiga tahun. Lulusan untuk sekolah Melayu pula hanya sekadar untuk memenuhi keperluan tenaga manusia yang terendah (Shahril @ Charil Marzuki & Habib Mat Som, 1999). Pertumbuhan sekolah-sekolah vernakular Melayu di Melaka contohnya, berkembang seiring dengan pertumbuhan sekolah-sekolah *Mission* dan sekolah Inggeris kerajaan serta sekolah-sekolah vernakular Cina. Proses sekularisasi dalam pelajaran anak-anak Melayu bermula pada awal abad ke 19. Dalam bidang pelajaran Melayu, percubaan yang dilaksanakan adalah melalui kaedah menubuhkan Bahagian Vernakular Melayu di bawah pentadbiran *Malacca Free School*. Sistem sebegini telah dipraktikkan di Pulau Pinang dalam tahun 1821 (Khoo Kay Kim & Mohd. Fadzil Othman, 1980).

2.6 Sistem Pendidikan Berteraskan Inggeris

Penjajah Inggeris telah melaksanakan sistem pendidikan yang berteraskan pendidikan Inggeris semasa mereka menjajah Tanah Melayu. Sekolah-sekolah aliran Inggeris ini mengajar subjek dalam bahasa Inggeris. Keadaan ini mencetuskan cabaran dan halangan terhadap bangsa Melayu ketika itu. Ini kerana majoriti masyarakat Melayu tidak berkemahiran menggunakan bahasa Inggeris dengan baik. Keadaan ini ditambah pula dengan dasar yang dilaksanakan oleh pihak Inggeris untuk menyekat kemasukan pelajar-pelajar Melayu untuk belajar di sekolah Inggeris kerana mereka bimbangkan kedudukan mereka tergugat jika orang-orang Melayu belajar dan menjadi pandai (Sufean Hussin, 2002:129). Hal ini berbeza dengan masyarakat Melayu di negeri Johor. Terdapat beberapa buah sekolah Inggeris di Singapura yang menjadi tumpuan pengikut Temenggung Johor seperti Sekolah Mubaligh Keasberry di Bukit Zion, sekolah Inggeris Kampung Baru, dan Institusi Raffles. Pembukaan Tanjung Puteri sebagai tapak bandar dan ibu negeri Johor dalam tahun 1855 memberi ilham kepada Temenggung Ibrahim menubuhkan sekolah Inggeris untuk rakyatnya di situ. Namun, cita-cita tersebut tercapai apabila Temenggung Abu Bakar memerintah. Sekolah aliran Inggeris yang dikenali dengan nama *Tanjung Puteri School* telah didirikan pada tahun 1864. Sekolah ini ditukar namanya kepada *Johore Free School* pada tahun 1875. Seterusnya, perkembangan sekolah Inggeris hanya kelihatan di awal abad ke 20 dengan penubuhan dua buah lagi sekolah aliran Inggeris di Johor Bahru pada tahun 1913 (Khoo Kay Kim & Mohd. Fadzil Othman, 1980).

2.7 Pendidikan Sekular

Kedatangan Barat telah memperkenalkan pendidikan sekular kepada orang Melayu. Pada tahun 1826, *Malacca Free School* diasaskan. Ia merupakan sekolah terawal di Melaka yang memperkenalkan pendidikan sekolah dan mungkin juga merupakan sekolah pertama di Tanah Melayu. Pertumbuhan sekolah-sekolah sekular di Melaka sebenarnya telah didahului oleh penubuhan sebuah sekolah *Mission* iaitu *Anglo-Chinese College* pada tahun 1818. Sekolah ini menyediakan pendidikan membaca dan menulis dalam bahasa Inggeris. Para pelajarnya terdiri daripada semua bangsa di Melaka termasuk Serani, Cina, dan Melayu. Munshi Abdullah (1796-1854) merupakan antara

orang Melayu di Melaka yang terawal mendapat pendidikan sekular tajaan Inggeris. Sekolah Inggeris perempuan di Melaka bermula dengan terdirinya sekolah *Convent of The Holy Infant Jesus* pada tahun 1860. Pertumbuhan sekolah rendah dan menengah aliran bahasa Inggeris di Melaka berkembang dengan pesat. Kesemua sekolah Inggeris terbuka luas kepada anak-anak Melayu di Melaka dan kawasan sekitarnya. Walau bagaimanapun, pada peringkat awal sambutan ibu bapa Melayu di Melaka amat pasif. Kemungkinan disebabkan oleh kedudukan sekolah ini terpisah daripada kehidupan masyarakat Melayu serta sikap anti-penjajah dan anti-kafir (Khoo Kay Kim & Mohd. Fadzil Othman, 1980).

3. Cabaran Selepas Merdeka

Meskipun negara kita, Malaysia sudah mencapai kemerdekaan namun kesan penjajahan masih tetap wujud dan memberi cabaran hebat kepada masyarakat Melayu termasuk dalam bidang pendidikan. Antara cabaran tersebut adalah:

3.1 Sistem Sekular

Setelah mencapai kemerdekaan, sekolah-sekolah agama menghadapi satu cabaran dengan kemunculan dasar pelajaran Kerajaan Malaysia yang sekular sehingga mengakibatkan sekolah-sekolah ini menjadi lumpuh. Ini kerana dasar pelajaran kerajaan iaitu *Penyata Pelajaran Razak 1956* dan *Penyata Pelajaran Abdul Rahman Talib 1960* memberi jaminan ekonomi yang lebih jelas kepada para pelajar lulusan sekolah kerajaan. Menyedari bahawa ekonomi merupakan satu daripada faktor asas kehidupan manusia, ibu bapa lebih tertarik untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah kerajaan berbanding ke sekolah agama. Sekolah agama akhirnya lumpuh kerana kekurangan pelajar dan kewangan. Dengan ini, kerajaan berpeluang untuk campurtangan mengambil alih sekolah agama yang lumpuh dan mengubahsuai kurikulumnya supaya selari dengan dasar pelajaran Kerajaan Malaysia. Sehingga kini, sekolah-sekolah agama di Malaysia dari segi pentadbiran secara umumnya terbahagi kepada empat jenis iaitu sekolah agama rakyat, sekolah agama kerajaan negeri, sekolah agama majlis agama dan zakat, dan sekolah agama Kementerian Pelajaran (Sobri Salamon & Haron Din, 1988).

3.2 Pendidikan Liberal

Sistem pendidikan liberal yang diagung-agungkan orang-orang Barat tidak dapat mencipta pandangan hidup yang jitu dan berfaedah bagi pembinaan peribadi manusia dan tamadun, gagal untuk menyampaikan konsep kesepaduan ilmu, gagal mewujudkan nilai-nilai etika sejagat dalam peribadi dan tamadun, serta gagal memberi ilmu dan persediaan untuk para pelajar mengenali masalah-masalah asasi dalam hidup dan tamadun. Pelajaran sastera dan sains dalam sistem liberal sebagai contoh, secara jelas gagal menerapkan pandangan hidup yang tepat dan bermanfaat bagaimana seharusnya menghuraikan mengenai manusia, alam, Tuhan, serta cita-cita yang sepatutnya ada dalam kehidupan individu dan masyarakat. Oleh kerana sistem pendidikan Malaysia mengimport sistem pendidikan Barat yang liberal, sistem pendidikan kita gagal untuk memberi gambaran mengenai konsep kesepaduan ilmu bahkan ilmu sudah menjadi

terpisah-pisah dalam sistem pendidikan kita. Tradisi ilmu diketepikan akibat kepercayaan golongan intelektual dan pihak berkuasa terhadap tindakan pihak Barat. Konsep ilmu Islam adalah ilmupadu, namun ilmu yang diamalkan di Malaysia adalah pemisahan ilmu. Akibat pemisahan ini, intelektual yang bersepadu tidak dapat dihasilkan tetapi menghasilkan kebudayaan kacau dan berterusan terumbang-ambing di tengah-tengah arus fikiran manusia barat dan timur (Sobri Salamon & Haron Din, 1988).

4. Cabaran Masa Kini

Pihak Barat terus berusaha menyebarkan pelbagai ideologi dan budaya bertujuan untuk merosakkan pemikiran masyarakat Melayu. Penjajahan yang diperkenalkan pada zaman kini lebih berkesan untuk mencapai matlamat penjajahan yang mereka perjuangkan. Antara cabaran pendidikan masyarakat Melayu masa kini ialah:

4.1 Penjajahan pemikiran

Semasa penjajahan, golongan penjajah Barat mengambil peluang untuk memperkenalkan dasar-dasar Barat kepada negara-negara yang dijajah disebalik agenda pembangunan dan pemodenan yang mereka laksanakan. Mereka melaungkan slogan sekular yang mengkhususkan agama hanya di institusi ibadat serta memisahkan peranan agama dalam segala urusan yang membawa kepada kemajuan dan ketamadunan (Abdullah Nasih Ulwan, 1993). Akhirnya, dasar-dasar Barat seperti budaya dan tamadun secara tidak langsung memaksa berlakunya penerimaan idea, ideologi, nilai, amalan, pegangan, dan gaya hidup Barat dalam kehidupan masyarakat. Zakaria Stapa dalam artikelnya menyifatkan penjajahan bentuk ini sebagai penjajahan pemikiran dan gaya hidup pascamodenisme. Dengan perantaraan teknologi maklumat, komputer, teknologi komunikasi, dan satelit, norma-norma sekularisme telah disebarkan secara rahsia dan meluas kepada masyarakat dunia. Budaya hedonisme akhirnya dianggap sebagai suatu perkara dan amalan biasa dalam kehidupan masyarakat dunia (Zakaria Stapa, 1999). Dengan itu tercapailah strategi Barat untuk memerangi Islam dan menyingkirkannya daripada pemikiran, jiwa, aspirasi, ilmu, tamadun, dan institusi umat Islam. Seterusnya dibentuk semula aspek-aspek berkaitan dengan pemikiran, ilmu, kehidupan bertamadun, dan sistem institusi umat Islam mengikut acuan Barat sehinggakan pemikiran dan falsafah mereka menjadi ikutan dan panduan umat Islam khususnya dan dunia amnya (Munir Syafiq, 1987).

4.2 Globalisasi

Globalisasi atau dunia tanpa sempadan adalah suatu manifestasi yang muncul akibat berlakunya pertembungan budaya di antara Islam dengan Barat. Dunia tanpa sempadan yang diperkenalkan oleh Barat bermatlamat untuk menguasai dunia termasuk Islam dalam pelbagai aspek. Kemunculan globalisasi mengakibatkan segala anasir buruk yang bertentangan dengan nilai-nilai Islam dengan cepat dan mudah disebarkan kepada umat Islam. Saluran globalisasi berlaku dalam pelbagai cara terutamanya teknologi maklumat. Kemajuan teknologi maklumat yang dijadikan sebagai saluran menyebarkan propaganda imej buruk Islam mendatangkan kesan negatif khususnya kepada golongan

muda yang berfikir impresif. Golongan ini akan terpengaruh dengan serangan dan pemikiran Barat yang menyesatkan (Ezad Azraai Jamsari et al., 2005).

4.3 Ponteng dan Kurang Pembudayaan Ilmu

Pada zaman penjajahan, tumpuan pelajar hanya kepada hakikat pelajaran itu sendiri. Penemuan baru jarang ditemui. Kepelbagaian pekerjaan dan hiburan tidak sebanyak seperti zaman kini. Sistem pendidikan ketika itu juga turut membantu mengatasi masalah berlakunya ponteng. Sebagai contoh, sistem lompat darjah diamalkan bagi yang lulus cemerlang manakala bagi yang gagal terpaksa mengulang atau buang sekolah. Hal ini berbeza dengan modenisasi yang mendesak dan banyak penemuan baru yang mempengaruhi jiwa pelajar untuk meneruskan kehidupan cemerlang. Perbandaran pada masa kini berubah kepada industri dan gejala jahat yang mengilhamkan kepada para pelajar supaya ponteng. Pelajar yang dahulunya taatkan Allah, orang tua, dan guru bertukar watak kepada perokok, penagih dadah, berambut panjang, dan lain-lain kenakalan. Salah satu daripada faktor penyebab ponteng adalah sikap pelajar itu sendiri terhadap pelajaran dan masa depannya. Kecenderungan dan kesedaran pelajar terhadap pelajaran dan masa depannya terlalu tipis berbanding dengan kecenderungannya kepada hiburan dan keseronokan. Sistem pendidikan penjajahan juga sedikit sebanyak mempengaruhi terjadinya gejala ini. Minat dan perhatian terhadap pelajaran pudar berbanding dengan pelajar Cina. Penanaman modal dan sikap ibu bapa amat berkurangan terutama kepada anak-anak perempuan. Justeru, sikap negatif pelajar dan ibu bapa mengakibatkan berlaku keciciran dalam kalangan anak Melayu (Ibrahim Saad, 1986).

4.4 Budaya Berhibur

Unsur-unsur budaya Barat telah meresap masuk ke dalam budaya Asia dan Islam. Pengaruhnya menyerap pelbagai budaya terutama hiburan. Muzik, nyanyian, filem, kartun, dan komik daripada Barat berjaya menembusi pasaran dunia pada hari ini. Aspek-aspek budaya Barat disebarkan menerusi saluran-saluran hiburan ini (Azhar Hj. Mad Aros et al., 2001). Manusia kini berada di tengah-tengah suasana jahiliah yang sama dengan suasana jahiliah yang wujud pada zaman kedatangan Islam dahulu, malah lebih gelap lagi. Segala yang ada di sekeliling kita adalah jahiliah. Antaranya termasuklah perkara-perkara yang berkaitan dengan konsep hidup, akidah kepercayaan, adat istiadat dan kebiasaan, sumber pelajaran seni dan sastera, peraturan dan undang-undang, falsafah Islam, dan pemikiran Islam. Justeru, kita mesti membebaskan diri daripada tekanan masyarakat jahiliah, tekanan konsep serta adat resam jahiliah, dan pimpinan ala jahiliah. Kita tidak sepatutnya berkompromi dengan realiti masyarakat jahiliah serta tunduk dan menumpahkan kesetiaan kepadanya kerana realitinya situasi jahiliah itu tidak memungkinkannya kita berkompromi dengannya sama sekali (Sayyid Qutb, 1980).

5. Kesimpulan

Pendidikan berperanan penting dalam mencorakkan kehidupan manusia di peringkat individu, masyarakat, dan negara. Ia juga merupakan faktor pembangunan dan

ketamadunan manusia. Pendidikan masyarakat Melayu di Malaysia telah melalui pelbagai cabaran semenjak zaman penjajahan sehingga kini. Dalam usaha untuk memastikan masyarakat Melayu mendapat pendidikan dan menjadi intelektual bersepadu, cabaran dan rintangan ini perlu ditangani secara bersama. Komitmen dan kerjasama daripada semua pihak amat penting bagi memastikan hala tuju pendidikan kita terlaksana.

Rujukan

- Abdullah Nasih Ulwan. (1993). *al-Syabab al-Muslim fi Muwajahat al-Tahaddiyat. Kaherah: Dar al-Salam.*
- Azhar Hj. Mad Aros et al. (2001). *TITAS Kertas 1. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.*
- Ezad Azraai Jamsari et al. (2005). *Pengajian Islam. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.*
- Ibrahim Saad. (1990). *Perubahan Pendidikan di Malaysia: Satu Cabaran.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka; (Ed.) (1986) *Isu Pendidikan di Malaysia.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka; (1981) *Pendidikan dan Politik di Malaysia.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Hamid. (1985). *Peradaban Melayu dan Islam.* Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Khoo Kay Kim & Mohd. Fadzil Othman (Eds.). (1980). *Pendidikan di Malaysia: Dahulu dan Sekarang.*
- Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Munir Syafiq. (1987). *al-Isiam wa Tahaddiyat al-Initat al-Mu'sir. Kaherah: al-Zahra' lil-i'lam al-'Arabi.*
- Sayyid Qutb. (1980). *Ma'alim fi al-Tariq. Beirut: Dar Syuruq.*
- Shahril @ Charil Marzuki & Habib Mat Som. (1999). *Isu Pendidikan di Malaysia: Sorotan dan Cabaran.* Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Sobri Salamon & Haron Din. (1988). *Masalah Pendidikan Islam di Malaysia.* Kuala Lumpur: al-Rahmaniah, cetakan kedua.
- Sufean Hussin. (2002). *Dasar Pembangunan Pendidikan Malaysia: Teori dan Analisis.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zakaria Stapa (1999). "Pendidikan Islam dan Ancaman Masa Kini" dalam *Pemikir*, Julai-September 1999, hlm. 137-148.